

05 SEP 1997

Umno-Kelab

PEMERHATI LUAR SAMBUT BAIK UCAPAN PRESIDEN

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Ucapan dasar Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyentuh banyak perkara seperti soal-soal keagamaan dan bahasa, menarik perhatian para pemerhati luar khususnya pelajar-pelajar yang menganggotai kelab Umno di luar negara.

Menurut penasihat Kelab Umno Connecticut, Amerika Syarikat, Zaidi Che Mat, ucapan presiden sewaktu merasmikan Perhimpunan Agung Umno ke-51 di sini hari ini, memberi kesedaran kepada orang Melayu untuk maju dengan melakukan sesuatu tanpa melanggar budaya bangsa.

"Ini pertama kali saya mendengar Dr Mahathir begitu terbuka menyuarakan dari hatinya mengenai soal keagamaan yang sebelum ini tidak begitu terang," katanya.

Pengerusi Kelab Umno Chicago, Ahmad Ikram Ismail pula menyambut baik saranan Dr Mahathir yang mahukan orang Melayu belajar bahasa asing dalam usaha mengejar ilmu pengetahuan.

"Bukanlah hasrat kerajaan untuk membelakangkan bahasa Melayu tetapi ia penting untuk mengejar ilmu. Kita mesti mahir lain-lain bahasa bagi menguasai kepakaran mereka seperti bahasa Inggeris kerana teknologi maklumat semuanya datang dari negara-negara Barat, khususnya Amerika," kata Ahmad Ikram.

Menurutnya, pertukaran teknologi begitu pesat dan orang Melayu sentiasa terkebelakang kerana untuk menterjemah sesebuah buku dari bahasa Inggeris ke bahasa Malaysia mengambil masa yang panjang.

Katanya apa yang ditekan Dr Mahathir ialah orang Melayu mesti fasih menguasai bahasa asing bagi membolehkan mereka sama taraf dengan lain-lain pihak dalam mengejar cita-cita agar tidak tercicir.

Ketua Kelab Umno Surabaya, Haznizul Faizal Hashim tertarik dengan ucapan Dr Mahathir yang menyentuh tentang perubahan sikap orang Melayu yang ingin melihat orang Melayu lebih berjaya lagi supaya apa yang dinikmati sekarang akan turut dikecapi generasi akan datang.

Haznizul juga menyokong pendapat Dr Mahathir bahawa penerapan nilai-nilai Islam mesti bersikap kesederhanaan, secara beransur-ansur dan tidak boleh dilakukan dengan mendadak.

"Saya harap perjuangan Umno yang diamanat Presiden akan berjaya dalam perjuangan bangsa, agama dan negara," kata Haznizul yang juga berpendapat bahawa seseorang mesti menguasai sekurang-kurangnya dua atau tiga bahasa untuk maju.

Mohamad Lufti Zakaria, pengerusi Kelab Umno Kaherah, berkata pendidikan agama perlu diberikan kepada anak-anak sejak awal lagi dalam usaha mencegah gejala buruk menimpa mereka apabila dewasa kelak.

Mohamad Lufti, pelajar jurusan Usuludin, berkata seseorang yang hanya mementingkan agama sahaja tidak boleh membangunkan negara begitu juga walaupun dia belajar perubatan atau kejuruteraan, dia mesti mengambil berat tentang pelajaran agama. -- BERNAMA

ZAB AHH